

Jawapan: Insyaallah. Kita kena memahami falsafah *Scholarship of Learning and Teaching (SOLT)*, seorang pensyarah perlu tahu mengajar, memahami pendekatan terkini di mana hala tuju pendidikan tinggi ke arah *Outcome Based Education (OBE)* dan pensyarah harus faham macam mana melaksanakan OBE berteraskan *student centered learning*. Jadi kita pentingkan itu supaya pelajar yang dikeluarkan dari universiti ini dapat berbakti kepada negara.

Kemudian, dari segi penyelidikan iaitu *the scholarship of discovery* itu, ia menjadi tanggungjawab pensyarah. Mereka kena buat penyelidikan dan kemudian menerbitkannya untuk dikongsikan ilmu kepada orang ramai supaya lebih relevan kepada masyarakat. Jika keempat-empat SOLT membabitkan pemahaman, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan, jadi kita selaraskan secara *constructively* apa hasrat universiti, insyaallah kita akan berjaya.

Soalan: Apa cabaran yang mungkin dihadapi oleh Prof. apabila menyandang jawatan ini.

Jawapan: Cabaran sebagai pemimpin wanita berbeza dengan pemimpin lelaki. Persepsi manusia sukar ditukar. Apabila diberi cabaran ini, saya terima dan saya berharap, staf wanita UUM akan lebih bersemangat untuk bekerja dan berbakti pada UUM. Kadang-kadang banyak benda-benda remeh yang mendatangkan masalah, tetapi saya rasa *key point* adalah komunikasi.

Soalan: Bagaimana, penerimaan wanita dengan pelantikan Prof. sebagai TNC.

Jawapan: Saya rasa, ini boleh menjadikan satu inspirasi kepada wanita menunjukkan bahawa wanita hari ini mampu dan boleh bekerjasama dengan kaum lelaki dan mentadbir sesuatu organisasi. Bukan fizikal tetapi *mental strength* yang diperlukan untuk mentadbir sesuatu organisasi.

Soalan: Apa harapan Prof. kepada semua.

Jawapan: Harapan saya, pelantikan ini boleh menjadi aspirasi kepada pelajar kita. Semua pihak dapat terima saya seadanya, cara bekerja, interaksi juga bebeza. Saya perlu belajar banyak dan masih perlukan bimbingan daripada rakan-rakan dan pandangan dari pelajar supaya kita dapat melakukan penambahbaikan secara berterusan. Kepada pelajar, diharap mereka dapat membantu diri sendiri, membantu UUM dengan menjadi seorang pelajar yang terpuji dan berkualiti.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my